



DASAR SOSIAL NEGARA 2030



Cetakan Pertama 2024

Hak Cipta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Diterbitkan oleh:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No.55, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, Malaysia

Dicetak oleh:

Rising Fusion SDN BHD

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PRAKATA

- YAB Perdana Menteri
- YAB Timbalan Perdana Menteri
- YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

1

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

- | | |
|--------------------------------|----|
| a. Apa itu Dasar Sosial Negara | 12 |
| b. Isu dan Cabaran | 13 |

2

BAHAGIAN 2: DASAR SOSIAL NEGARA 2030

- | | |
|-------------------------|----|
| a. Pendahuluan | 16 |
| b. Megatrend | 17 |
| c. Kedudukan Dasar | 20 |
| d. Penyataan Dasar | 21 |
| e. Matlamat DSN 2030 | 22 |
| f. Prinsip | 23 |
| g. Kerangka Dasar | 25 |
| h. Bidang Keutamaan | 27 |
| i. Sasaran DSN 2030 | 36 |
| j. Mekanisme Pemantauan | 37 |

ANNEX 1: DASAR SOSIAL NEGARA 1.0

- | | |
|--|----|
| a. Perbezaan | 42 |
| b. Pencapaian | 42 |
| c. Hala Tuju Agenda Pembangunan Sosial | 43 |

ANNEX 2: LANDSKAP SOSIAL DI MALAYSIA

- | | |
|---|----|
| a. Kedudukan Malaysia dalam Indeks berkaitan Sosial | 50 |
| i. Indeks Kemajuan Sosial
<i>(Social Progress Index)</i> | 50 |
| ii. Indeks Pembangunan Manusia Malaysia
<i>[Human Development Index (HDI)]</i> | 52 |
| iii. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia | 54 |
| b. Dasar Sosial / Pelan Tindakan berkaitan sosial di bawah kementerian dan agensi | 55 |

GLOSARI

PENGHARGAAN

PRAKATA

YAB PERDANA MENTERI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera,

Dasar Sosial Negara (DSN) 2030 adalah sebuah inisiatif komprehensif yang mencerminkan komitmen kolektif negara untuk membina sebuah masyarakat yang unggul, inklusif dan berdaya tahan. Dasar ini adalah hasil kerjasama holistik antara semua pihak dalam kerajaan, sektor swasta dan masyarakat civil, yang bersama-sama menggerakkan usaha untuk mengatasi pelbagai isu sosial negara dan membina sebuah negara yang sejahtera.

Lambakan dasar-dasar berfokus sosial dan inisiatif daripada pelbagai komponen kerajaan bersama agensinya ini menunjukkan suatu keghairahan kerajaan dalam memastikan kehidupan rakyat terus dibantu. Namun begitu, bagi memastikan pelaksanaan itu berlaku dengan efektif sambil bertunjangkan tatakelola yang baik dan memastikan tiada ketirisan yang berlaku, sebuah dasar sosial yang berpusat dan bersifat memayungi dasar-dasar sosial lain di Malaysia adalah sangat diperlukan.

Maka, DSN 2030 yang telah dirangka sebagai sebuah penyelesaian komprehensif dalam memacu keseluruhan dasar-dasar sosial di negara ini secara keseluruhannya perlulah dipacu dengan semangat dan teras nilai MADANI agar kita dapat membina sebuah masyarakat yang lebih adil dan saksama.



Dengan memahami kepentingan DSN 2030 dalam peranannya memukah kemiskinan rakyat dan mengangkat kehormatan hidup masyarakat terbanyak di negara ini, DSN 2030 perlulah didorong dengan segala kekuatan pelbagai komponen kerajaan, pihak swasta dan kesemua badan berkepentingan sosial.

Semoga DSN 2030 akan menjadi instrumen penting negara ini dalam usaha jitu kita bersama membina sebuah negara yang maju dan hebat sambil bertunjangkan sebuah masyarakat MADANI yang tinggi kehormatan hidupnya serta kaya dengan nilai-nilai mulia.

Sekian, salam hormat.

Anwar Ibrahim
Perdana Menteri

PRAKATA

YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera,

Dengan penuh rasa tanggungjawab, saya mempersesembahkan "Dasar Sosial Negara 2030." Dasar payung ini menunjukkan tanggungjawab kita untuk memperkuatkkan kesejahteraan sosial masyarakat Malaysia dalam mencapai matlamat MADANI iaitu tangga ke-25 teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia dan Indeks Persepsi Rasuah serta peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh wanita ke 60%.

Pada tahun 2013, Majlis Sosial Negara (MSN) diwujudkan untuk memastikan objektif DSN tercapai. MSN, dipengerusikan oleh saya, berperanan sebagai platform utama untuk membincangkan isu-isu sosial dan membuat keputusan dasar. Kini, MSN akan terus memantau pelaksanaan DSN 2030 melalui Badan Penilaian MSN. Empat kluster akan dibentuk berdasarkan teras utama DSN 2030, melaporkan kemajuan pelaksanaan kepada Badan Penilaian MSN. Penyelesaian bagi isu-isu sosial seperti siber buli, kecenderungan bunuh diri, pelaksanaan pembelajaran pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial, strategi menangani penyakit HIV/AIDS, penipuan dalam talian (online scam) dan pelbagai lagi akan diperincikan dalam pelaksanaan dasar ini.

DSN 2030 fokus kepada pembangunan manusia dan sistem sosial, dengan empat (4) teras, 17 bidang keutamaan. DSN 2030 juga dilengkapi dengan 18 strategi dan seterusnya pelan tindakan untuk memantau pelaksanaannya hingga 2030.



DSN 2030 dibangunkan berdasarkan hasil kajian dan usaha gigih serta kerjasama erat antara pelbagai pihak—kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil. Dengan pendekatan holistik dan inklusif, kita berhasrat menangani cabaran sosial, memastikan setiap individu mendapat peluang yang sama untuk kesejahteraan dan kemakmuran.

Melalui DSN 2030 ini, kita juga akan memperkuuhkan usaha dalam setiap bidang keutamaan yang merangkumi keperluan asas, potensi diri, sistem sokongan dan tanggungjawab sosial bagi pembangunan negara. Diharapkan dengan inisiatif-inisiatif ini, kita dapat melahirkan masyarakat yang lebih berdaya saing dan inovatif, serta memastikan Malaysia terus maju dan makmur di pentas antarabangsa.

Saya yakin dengan pelaksanaan yang berkesan, DSN 2030 akan menjadi landasan bagi pembangunan masyarakat yang sejahtera dan berdaya tahan. Bersama-sama lah kita merealisasikan matlamat ini bagi menegakkan agenda pembangunan sosial negara.

Sekian, terima kasih.

Dr. Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Perdana Menteri

PRAKATA

YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Sebagai Kementerian yang menerajui agenda pembangunan sosial negara, Dasar Sosial Negara (DSN) 2030 merupakan dasar tonggak kepada komitmen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam membentuk masyarakat yang inklusif, progresif dan berdaya tahan, menuju masa depan yang sejahtera dan harmoni.

DSN 2030 selari dengan Teori Keperluan Maslow, yang mana keperluan asas perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum dapat mencapai keperluan yang lebih tinggi seperti menyumbang kepada negara. Dasar ini dibahagikan kepada empat (4) teras berdasarkan tahap keperluan individu, memastikan setiap peringkat pembangunan sosial diberi perhatian yang sewajarnya.

Matlamat DSN 2030 adalah untuk membangunkan sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai jati diri yang utuh, mantap dan seimbang dari segi sosial, ekonomi dan teknologi. Sekiranya masyarakat memegang erat nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, mesti kita mampu bertahan dengan perubahan-perubahan sosial yang berlaku, terutamanya dalam mengambil kira trend global



yang semakin ketara, seperti penuaan penduduk, ketidaktentuan ekonomi, perubahan teknologi yang drastik, perbezaan keperluan sosioekonomi dan kecerdasan emosi generasi kini dan lain-lain.

Pendekatan yang digunakan adalah dari segi pencegahan, promosi, perlindungan dan transformasi. Penerapan nilai murni melalui pendekatan kekeluargaan diutamakan supaya dapat memperkasakan semua ahli keluarga sebagai sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu dan bersama di sebalik kepelbagaian dan cabaran yang ada. Harapan saya adalah kerjasama erat dari semua pihak untuk bergerak bersama dalam menangani segala isu sosial.

Saya yakin kita akan membina negara yang lebih sejahtera dan inklusif melalui DSN 2030. Kita perlu bersama-sama dan memberi komitmen yang berterusan untuk merealisasikan visi ini, demi masa depan yang lebih cerah, di mana setiap individu merasa dihargai dan dilindungi. Bersama-sama, kita mampu membina negara yang lebih baik, aman dan penuh harapan untuk semua. Marilah kita bersatu demi Malaysia yang lebih gemilang, untuk generasi sekarang dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

Nancy Shukri

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



BAHAGIAN 1:

PENGENALAN – APA ITU DASAR SOSIAL NEGARA?

1. PENGENALAN

Dasar sosial berfungsi sebagai rangka kerja komprehensif yang merangkumi pelbagai isu kemasyarakatan dalam negara kita. Dasar ini merupakan satu inisiatif kerajaan untuk menangani spektrum cabaran sosial dan meningkatkan kebajikan rakyat. Ini merangkumi pembangunan, pelaksanaan dan penilaian program, perkhidmatan dan peraturan yang memberi kesan kepada kebajikan sosial masyarakat. Di bawah rangka kerja ini, banyak isu sosial dicakupi, terutama dalam memperbaiki ketidaksamaan masyarakat dalam kalangan kumpulan rentan yang berdepan dengan pelbagai jenis isu sosial.

Berpacukan kepada misi dan visi MADANI dalam mencorak masa hadapan Malaysia, sebuah dasar sosial diperlukan untuk memayungi segala agenda pembangunan sosioekonomi negara bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih makmur dan maju.

a. Apa itu Dasar Sosial Negara?



Dasar Sosial Negara (DSN) yang pertama telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada Februari 2003.



“ DSN merupakan satu **dasar payung** yang luas dan menyeluruh, **merangkumi falsafah pembangunan sosial dan berteraskan kepada Perlembagaan, Rukun Negara dan Wawasan 2020 Malaysia serta komitmen negara di peringkat antarabangsa** yang berfokuskan kepada pembangunan sosial dan pengukuhan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.”

DSN menjadi garis panduan kepada kementerian dan agensi Kerajaan bagi memantapkan pembangunan sosial progresif negara untuk mencapai matlamat ekonomi dan sosial secara seimbang.

b. Isu dan Cabaran

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan DSN selama 21 tahun ini iaitu:

-
- 01** Penghayatan dasar dan tahap kesedaran yang sederhana disebabkan dasar tersebut diperkenalkan dua dekad yang lalu
 - 02** Pernyataan dasar DSN terlalu umum dan strategi-strategi DSN tidak diperincikan dengan jelas
 - 03** DSN tidak mempunyai pelan tindakan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
 - 04** DSN juga tidak mempunyai pemantauan atau struktur tadbir urus yang jelas
 - 05** DSN yang dilancarkan pada tahun 2003 berlandaskan kepada Wawasan 2020
 - 06** Terdapat hala tuju Kerajaan baharu yang perlu diperkemaskinikan semula seperti SDG dan Malaysia MADANI untuk memastikan hala tuju pembangunan sosial di Malaysia sentiasa relevan dan bersesuaian mengikut peredaran masa



BAHAGIAN 2:


DASAR SOSIAL NEGARA 2030

2. DASAR SOSIAL NEGARA 2030

a. Pendahuluan

DSN 2030 adalah merupakan kesinambungan DSN 1.0 yang telah dilancarkan pada tahun 2003.

Pembangunan DSN 2030 telah mengambil kira enam (6) nilai teras Malaysia MADANI iaitu:



DSN 2030 diyakini dapat memelihara nilai-nilai budaya dan sosial serta pada masa yang sama mampu bertindak balas kepada keperluan-keperluan sosial yang dinamik untuk membina rakyat Malaysia yang bernilai tinggi.

DSN 2030 berhasrat untuk membangunkan rakyat Malaysia yang memegang erat nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan dan seterusnya berkembang menjadi rakyat yang memfokuskan kepada pembangunan manusia dan sistem sosial untuk mencapai sebuah masyarakat yang berdaya tahan, progresif, bertanggungjawab, prihatin, beretika dan mempunyai jati diri yang utuh.





“ Hala tuju DSN 2030 adalah untuk memastikan **inklusiviti semua rakyat Malaysia** termasuk warganegara yang rentan melalui penajaran dasar-dasar berkaitan sosial di Malaysia.”

DSN 2030 ini telah mengambil kira kemajuan dan perubahan sosial yang berlaku di Malaysia. Justeru, dasar ini berperanan sebagai:

1

“Dasar payung” yang akan “menjajarkan dan menyelaras dasar-dasar sosial” dan pelaksanaannya di peringkat persekutuan dan negeri supaya lebih tersusun ke arah objektif yang sama; dan

2

Hala tuju bagi membangunkan rakyat yang mantap dan seimbang

Sebagai satu dasar sosial yang menyeluruh, DSN 2030 juga berperanan untuk **melengkapi usaha-usaha kementerian lain** dalam isu-isu berkaitan sosial seperti aspek perumahan, pengangguran, pendidikan, kesihatan, perlindungan sosial dan lain-lain. Disamping menetapkan hala tuju sosial negara, DSN 2030 juga berperanan untuk mengenal pasti serta menyelesaikan isu-isu sosial secara holistik dengan menggunakan pendekatan ‘*the whole of government approach*’.

b. Megatrend

Memandangkan landskap sosial negara telah mengalami pelbagai perkembangan sejak DSN diperkenalkan 21 tahun yang lalu, maka, adalah penting DSN disemak dan dikaji semula. Analisis trend mega pada peringkat global berdasarkan kepada hasil kajian semula DSN memperlihatkan beberapa trend perlu dipertimbangkan dalam penggubalan dasar sesebuah negara bagi memastikan pembangunan masyarakat setempat yang selari dengan perubahan struktur sosial di peringkat nasional dan global.

Justeru, melalui penggubalan DSN 2030, Malaysia dapat **memperkuatkan dimensi sosial pembangunan mampan** bagi menjajarkan proses penggubalan dasar-dasar berhubung elemen sosial dengan trend-trend global seperti yang berikut:

Perubahan demografi negara iaitu Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila:

penduduk berusia **60+** tahun mencapai **15%**

jumlah keseluruhan penduduk



sumber: *United Nations*

Golongan ini memerlukan sokongan sistem kesihatan, sistem kebajikan dan modal persaraan, model-model perniagaan, penempatan pekerjaan dan lain-lain lagi.



Capaian internet isi rumah meningkat kepada


96.4% pada 2023 berbanding

58.6% pada tahun 2013

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Inovasi teknologi berlandaskan kepada kepesatan digitalisasi mengubah gaya hidup dan cara rakyat berinteraksi, belajar, bekerja, berurus niaga dan bersaing. Walaupun teknologi memberikan banyak kelebihan kepada masyarakat, kepesatan transformasi digital turut menghasilkan beberapa cabaran sosial yang perlu diberikan perhatian. Ia meliputi cabaran keselamatan siber, penipuan dalam talian, kebimbangan terhadap privasi, salah guna identiti dan penyebaran berita palsu.

Proses perbandaran yang mencapai **75.1%** pada tahun 2020 iaitu tiga kali ganda daripada **28.4%** pada tahun 1970



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI):

“Peningkatan sebanyak **2.5%** kepada **121.2** mata pada tahun 2022 berbanding **118.3** mata pada tahun 2021”

Proses perbandaran memberi kesan positif kepada masyarakat bandar menerusi capaian kepada peluang ekonomi dan gaya hidup yang lebih luas serta sistem pendidikan dan penjagaan kesihatan yang lebih baik.

Namun, kadar perbandaran yang pesat dan tidak terancang juga akan memberi tekanan yang ketara terhadap keupayaan infrastruktur dan perkhidmatan sosial sedia ada (contoh: kemudahan asas, kesihatan, pendidikan, bantuan kebajikan) sehingga menimbulkan masalah seperti kemiskinan bandar, kepadatan penduduk dan masalah gelandangan.

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) merumuskan perangkaan ekonomi dan sosial dengan menilai perkembangan indeks subkomposit ekonomi dan indeks subkomposit sosial secara holistik.

Namun, terdapat tiga (3) komponen di bawah subkomposit sosial yang didapati mengalami penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu Penyertaan Sosial (130.2), Tadbir Urus (120.8) dan Keselamatan Awam (126.1).


Perkara ini menunjukkan bahawa peningkatan indeks subkomposit sosial adalah lebih perlakuan berbanding peningkatan indeks subkomposit ekonomi dimana mengambil kira tahun 2000 sebagai tahun asas, indeks subkomposit sosial hanya meningkat sebanyak 16.4 mata berbanding indeks subkomposit ekonomi yang meningkat sebanyak 30 mata.

Justeru, negara masih berdepan dengan pelbagai cabaran untuk memastikan perkembangan sosial masyarakat sejajar dengan perkembangan ekonomi.

c. Kedudukan Dasar


Berdasarkan kepada landskap semasa dasar negara, DSN 2030 berada pada kedudukan terbaik sebagai satu dasar menyeluruh dengan fokus untuk memperbaiki instrumen sosial Malaysia bagi mencapai matlamat keseluruhan pembangunan negara.

Dasar yang diselaraskan dengan objektif-objektif yang termaktub di dalam SDG 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) ini juga menjadi aspirasi ekonomi yang berkeupayaan untuk menyokong institusi-institusi negara, struktur sosial, pengagihan semula kekayaan, keadilan sosial, serta perlindungan untuk rakyat.



d. Penyataan Dasar

DSN 2030 merupakan satu dasar payung yang memfokuskan pembangunan manusia dan sistem sosial untuk mencapai sebuah masyarakat yang:



DSN 2030 akan memeta hala tuju sosial negara sehingga tahun 2030,
seiring dengan SDG 2030 dan RMKe-13.

e. Matlamat DSN 2030



“ Membangunkan sebuah masyarakat Malaysia yang mantap dan seimbang dari segi sosial, ekonomi dan teknologi yang mampu beradaptasi dengan perubahan-perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat dengan memegang erat nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan”

Seterusnya berkembang menjadi masyarakat yang berdaya tahan, progresif, bertanggungjawab, prihatin, beretika dan mempunyai jati diri yang utuh. Pendekatan yang digunakan adalah dari segi pencegahan, promosi, perlindungan dan transformasi.




f. Prinsip

Terma pembangunan manusia membawa maksud pembangunan yang bertujuan untuk membolehkan setiap individu menjalani kehidupan yang sihat, berfungsi sepenuhnya, berpengetahuan untuk membuat pilihan daripada pelbagai alternatif yang boleh diakses untuk meningkatkan kesejahteraan seseorang sepanjang perjalanan hidup.



Pembangunan Manusia

Pembangunan manusia diberikan keutamaan dalam dasar ini kerana ia lebih menjurus kepada tindakan yang akan dilaksanakan oleh pemegang taruh dengan pelaksanaan tindakan susulan yang lebih jelas dan spesifik.



Sistem Sosial

Sistem sosial pula ditakrifkan sebagai kepelbagaian individu yang berinteraksi antara satu sama lain mengikut norma dan budaya yang sama. Penekanan kepada sistem sosial adalah penting kerana pembangunan seseorang individu adalah berkait rapat dengan masyarakat sekelilingnya.

Berlandaskan kepada **Teori Maslow: Hierarchy of Needs** yang menekankan tentang perkembangan mengikut peringkat keperluan manusia, secara umumnya keperluan yang rendah seperti keperluan asas perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang itu cuba memenuhi keperluan yang lebih tinggi seperti menyumbang kepada negara.

Maka, DSN 2030 dibahagikan kepada empat (4) teras berdasarkan hubungan diri seseorang individu dengan peringkat keperluannya seperti yang berikut:



g. Kerangka Dasar

Bagi menyokong **empat teras dasar** dan memastikan DSN 2030 dapat dilaksanakan secara sistematis dan berkesan, sebanyak **17 Bidang Keutamaan** telah dikenal pasti berdasarkan jurang yang dikaji terhadap:



Penyataan Dasar

Dasar Sosial Negara merupakan satu dasar payung yang memfokuskan pembangunan manusia dan sistem sosial untuk mencapai sebuah masyarakat yang berdaya tahan, progresif, bertanggungjawab, prihatin, beretika dan mempunyai jati diri yang utuh.

Hala Tuju Dasar

- Memastikan inklusiviti semua rakyat Malaysia
- Penjajaran dasar – dasar sosial di Malaysia
- Membina rakyat Malaysia yang berteraskan nilai
- Mencapai rakyat yang sejahtera dan saksama

KERANGKA DASAR SOSIAL NEGARA 2030

TERAS 1

Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi

- Kediaman
- Makanan Berkhasiat
- Kerohanian, Nilai & Budaya
- Air & Sanitasi
- Keselamatan Awam

TERAS 2

Membangunkan keupayaan dan potensi individu bagi mencapai kesejahteraan hidup

- Kesihatan
- Pendidikan
- Teknologi
- Pekerjaan Wajar
- Perlindungan Sosial

TERAS 3

Memperkasakan institusi kekeluargaan dan masyarakat sebagai sistem sokongan sosial negara

- Keluarga
- Kependudukan
- Penyertaan Sosial
- Kesaksamaan Sosial
- Kelestarian Alam Sekitar

TERAS 4

Memupuk tanggungjawab sosial dan integrasi rakyat

- Kesepaduan Sosial
- Tadbir Urus

h. Bidang Keutamaan

Bidang Keutamaan ini disusun berdasarkan kepada peringkat keperluan setiap teras dengan **matlamat** untuk memastikan objektif DSN 2030 tercapai, seperti yang berikut:

Teras 1:

- i. **Kediaman** bertujuan untuk menyediakan tempat tinggal atau rumah untuk berlindung;
- ii. **Makanan berkhasiat** bertujuan untuk meningkatkan amalan pemakanan sihat dalam kalangan rakyat;
- iii. **Kerohanian, nilai dan budaya** bertujuan untuk mengukuhkan dan memupuk budaya nilai tinggi dan kerohanian;
- iv. **Air dan sanitasi** bertujuan untuk memastikan rakyat Malaysia menerima bekalan air bersih dan selamat serta pengurusan sisa pepejal yang berkesan; dan
- v. **Keselamatan awam** bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan tenteram untuk didiami.

Teras 2:

- i. **Kesihatan** bertujuan untuk membina rakyat Malaysia yang sihat secara fizikal dan mental di setiap peringkat usia;
- ii. **Pendidikan** bertujuan untuk memastikan semua rakyat Malaysia menerima akses pendidikan yang berkualiti dan inklusif di semua peringkat umur dalam usaha melahirkan murid/ pelajar yang seimbang dari segi kerohanian, intelek, emosi dan fizikal;
- iii. **Teknologi** bertujuan untuk memastikan semua rakyat Malaysia dapat menikmati manfaat daripada kemajuan teknologi, mempersiapkan rakyat dengan pengetahuan dan kemahiran sesuai dengan perubahan teknologi dan membentuk masyarakat yang menggunakan teknologi secara beretika;
- iv. **Pekerjaan wajar** bertujuan untuk memastikan penyediaan persekitaran kerja yang inklusif, sesuai dengan kelayakan, sihat dan selamat; dan
- v. **Perlindungan sosial** pula bertujuan menyediakan perlindungan sosial melalui satu siri tindakan asas sebagai persediaan kepada pelbagai risiko ekonomi, sosial dan alam sekitar melalui pendekatan sepanjang kitaran hayat kehidupan (*Life-cycle Approach*).

Teras 3:

- i. **Keluarga** bertujuan untuk mengukuhkan dan mendayaupayakan institusi kekeluargaan yang merupakan unit paling asas bagi menyediakan landasan kepada pembangunan modal insan negara;
- ii. **Kependudukan** bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembentukan keluarga serta mengukuhkan persediaan ke arah negara menua;
- iii. **Penyertaan sosial** bertujuan untuk mempertingkatkan penyertaan anggota masyarakat dalam kegiatan bercorak sosial dan kemasyarakatan seperti kesukarelawanan dan komuniti Rukun Tetangga;
- iv. **Kesaksamaan sosial** bertujuan untuk memastikan kumpulan rentan contohnya seperti kanak-kanak, wanita, Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain; dan
- v. **Kelestarian alam sekitar** bertujuan untuk membudayakan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar dan menggalakkan amalan lestari dalam kehidupan masyarakat.

Teras 4:

- i. **Kesepaduan sosial** bertujuan untuk mencapai satu keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera yang wujud dalam sesbuah masyarakat, khususnya berbilang etnik, kerana wujudnya kesepakatan sosial (*social bonding*) yang kuat; dan
- ii. **Tadbir urus** pula bertujuan untuk membangunkan rakyat Malaysia yang mengutamakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam organisasi dan kehidupan.

Setiap bidang keutamaan diperincikan dengan skop dan strategi yang khusus bagi memastikan pelaksanaan DSN 2030 merangkumi kesemua elemen-elemen sosial yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi berportfolio sosial.

Teras 1: Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi

BIDANG KEUTAMAAN	PERINCIAN SKOP	STRATEGI
01 <i>Kediaman</i>	<ul style="list-style-type: none">Penyediaan tempat tinggal yang mencukupi dan berkualiti;Menyokong pemilikan rumah mampu milik;Menambahbaik kemudahan asas perumahan awam; danMenaiktaraf perumahan awam.	Memastikan semua rakyat Malaysia mempunyai tempat untuk berlindung.
02 <i>Makanan Berkhasiat</i>	<ul style="list-style-type: none">Mengurangkan malpemakanan dalam kalangan penduduk;Pemakanan sihat; danMemperkuuhkan sekuriti makanan.	Meningkatkan amalan pemakanan sihat.
03 <i>Kerohanian, Nilai, dan Budaya</i>	<ul style="list-style-type: none">Pemerkaian pendidikan agama dan moral mengikut peringkat umur dalam lapisan masyarakat;Penerapan konsep budaya nilai tinggi dalam konteks kepelbagai budaya; danPemerkaian warisan budaya.	Memperkuuhkan dan memupuk keperibadian kebangsaan serta kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosio ekonomi negara

BIDANG KEUTAMAAN	PERINCIAN SKOP	STRATEGI
04 Keselamatan Awam	<ul style="list-style-type: none"> • Membanteras jenayah dan memperhebatkan usaha pencegahan jenayah yang mengganggu keselamatan dan ketenteraman awam; dan • Membanteras penyalahgunaan dadah dan substans. 	Mewujudkan persekitaran yang selamat.
05 Air dan Sanitasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkuuhkan tadbir urus sumber air; • Penambahbaikan infrastruktur dan liputan air bersih dan selamat bagi penyediaan bekalan air dan retikulasi; • Meningkatkan Pemuliharaan Sumber Air melalui ketersediaan dan kemampuan air dan mengatasi pencemaran air; dan • Pengurusan sisa pepejal di kawasan bandar dan luar bandar. 	Mengukuhkan tadbir urus pengurusan air bersih dan sisa pepejal.

Teras 2:

Membangunkan keupayaan dan potensi individu bagi mencapai kesejahteraan hidup

BIDANG KEUTAMAAN	PERINCIAN SKOP	STRATEGI
01 Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> Budaya hidup sihat; Akses perkhidmatan kesihatan yang mampu milik dan berkualiti; Pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD); Pencegahan penyakit berjangkit (Polio, Measles, COVID-19); Kesihatan mental; Insurans kesihatan kepada rakyat Malaysia; dan Persediaan bencana. 	Memastikan kesejahteraan kesihatan fizikal dan mental rakyat Malaysia di semua peringkat umur dengan mengamalkan gaya hidup sihat.
02 Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE); Kemajadian Murid – merangkumi aspek kerohanian, intelek, emosi dan fizikal – berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan; Merapatkan jurang akses antara luar bandar dan bandar; Akses kepada pendidikan tinggi; dan Pembelajaran sepanjang hayat. 	Memastikan semua rakyat Malaysia menerima pendidikan yang inklusif dan berkualiti di semua peringkat umur bagi membangunkan potensi mereka untuk memenuhi aspirasi negara.
03 Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> Merapatkan jurang digital dari segi ketersambungan internet/liputan jaringan digital dan komunikasi/literasi digital; Keselamatan Siber (<i>Cyber Hygiene</i>); Penggunaan platform digital beretika dengan peraturan yang sesuai dengan keperluan masa hadapan supaya fleksibel mengikut perubahan teknologi; dan Menggalakkan inovasi dan produktiviti. 	Memastikan semua rakyat Malaysia dapat menikmati manfaat daripada kemajuan teknologi dan menggunakan secara beretika.

BIDANG KEUTAMAAN	PERINCIAN SKOP	STRATEGI
04 Perlindungan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> Memperkasa sistem perlindungan sosial negara melalui pendekatan sepanjang kitaran hayat kehidupan (<i>life-cycle approach</i>); Memperkasa program bantuan sosial melalui tiga (3) fokus utama iaitu kelangsungan hidup, mobiliti sosial dan nilai tambah; Pembaharuan dalam kerangka insurans sosial, pencen dan persaraan; Menjadikan pasaran buruh aktif dan inklusif; Pengurusan data perlindungan sosial yang lebih efisien dan berintegriti; dan Perluasan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja yang bekerja secara <i>informal</i>. 	Menerapkan usaha mengukuhkan sistem perlindungan sosial ke arah peningkatan kesejahteraan kehidupan rakyat Malaysia.
05 Pekerjaan Wajar	<ul style="list-style-type: none"> Persekutuan pekerjaan wajar; Penyediaan persekitaran inklusif OKU; Penglibatan pekerja dalam kesatuan sekerja; Meningkatkan penyertaan tenaga kerja belia, wanita, OKU dan warga emas; Dasar perburuhan yang responsif <i>gender</i>; Pengurusan bakat dan peningkatan kemahiran; Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia; dan Penambahbaikan kepada gaji minimum. 	Mengutamakan kesejahteraan rakyat Malaysia melalui peluang pekerjaan yang inklusif dan sesuai dengan kelayakan, persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

Teras 3:

Memperkasa institusi kekeluargaan dan masyarakat sebagai sistem sokongan sosial negara

BIDANG KEUTAMAAN	PERINCIAN SKOP	STRATEGI
01 Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> Pengukuhan dan pendayaupayaan institusi kekeluargaan; Perkahwinan; Pra, Semasa dan Pasca Penceraihan; Isu pengabaian (wanita, OKU, kanak-kanak, warga emas); dan Keganasan rumah tangga. 	Memperkuuh institusi kekeluargaan yang sejahtera dan berdaya tahan untuk memastikan kestabilan sosial.
02 Kependudukan	<ul style="list-style-type: none"> Penuaan penduduk (Persediaan Negara Menua) Penurunan jumlah kadar kesuburan atau <i>Total Fertility Rate</i> (TFR); Pertumbuhan penduduk; dan Migrasi penduduk. 	<p>Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembentukan keluarga.</p> <p>Mengukuhkan persediaan ke arah negara menua.</p>

BIDANG KEUTAMAAN	PERINCIAN SKOP	STRATEGI
03 Penyertaan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan penglibatan Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) dan Pertubuhan Berasaskan Komuniti (CBO) dalam pembangunan masyarakat; Pemerksaan semangat kesukarelawanan melalui komuniti Rukun Tetangga; dan Pembudayaan kesukarelawanan dalam masyarakat. 	Mempertingkat kerjasama dan penglibatan aktif dalam kalangan agensi kerajaan, sektor swasta, akademia, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan masyarakat.
04 Kesaksamaan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> Pemerksaan profesi kerja sosial; Pemerksaan Hak Kumpulan Sasar Khusus* Pendayaupayaan Kumpulan Sasar Khusus* dalam pembangunan sosioekonomi; dan Kesaksamaan gender. <p>*Kanak-kanak, wanita, belia, OKU, warga emas</p>	Memastikan semua rakyat Malaysia mempunyai hak dan peluang yang sama rata untuk berkembang secara optimum.
05 Kelestarian Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> Sikap dan tanggungjawab terhadap alam sekitar; Penglibatan komuniti dalam proses pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA); dan Pengurangan risiko bencana. 	Meningkatkan kesedaran dan sikap tanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar dalam kalangan rakyat Malaysia bagi menjamin kualiti hidup yang sempurna dan mapan.

Teras 4: Memupuk tanggungjawab sosial dan integrasi rakyat

BIDANG KEUTAMAAN	PERINCIAN SKOP	STRATEGI
01 Kesepaduan Sosial	<ul style="list-style-type: none">Membentuk rakyat Malaysia yang mempunyai semangat jati diri, patriotik, bertoleransi, saling menghormati dan menghargai kepelbagaian dan kemajmukan; danMemperkuatkkan perpaduan dan menggalakkan interaksi sosial di kalangan rakyat.	Membentuk rakyat Malaysia yang mempunyai semangat jati diri, patriotik, bertoleransi, saling menghormati dan menghargai kepelbagaian dan kemajmukan dalam usaha memperkuatkkan perpaduan di kalangan rakyat.
02 Tadbir Urus	<ul style="list-style-type: none">Pencegahan rasuah; danMeningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti tadbir urus berasaskan nilai murni dalam organisasi.	Menekankan aspek tadbir urus yang baik berasaskan nilai murni dalam pelaksanaan dasar / program sedia ada.

i. Sasaran DSN 2030 selaras dengan Malaysia MADANI



“Matlamat Ekonomi MADANI dalam memperkasakan pembangunan manusia, pertumbuhan inklusif dan tatakelola yang baik dapat direalisasikan.”

01
2022

02
2023

03
2030

UNDP
Malaysia berada di tangga ke-62 dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia dengan penyertaan wanita dalam tenaga buruh sebanyak 55.8%

Jabatan Perangkaan Malaysia
Malaysia berada di tangga ke-57 dunia bagi Indeks Persepsi Rasuah

Sasaran DSN 2030

- Mencapai tangga ke-25 dalam Indeks Pembangunan Manusia dan Indeks Persepsi Rasuah
- Meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh ke 60%

j. Mekanisme Pemantauan DSN 2030 melalui MSN

Pada tahun 2013, Majlis Sosial Negara (MSN) telah diwujudkan sebagai mekanisme pemantauan bagi memastikan objektif DSN tercapai dan pelaksanaan DSN berjalan dengan lancar. Majlis ini menjadi platform utama bagi membincangkan isu-isu sosial dan menjadi badan tertinggi dalam Kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap isu-isu tersebut.

MSN dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh YB-YB Menteri dan ketua agensi yang berportfolio sosial.

Fungsi dan tanggungjawab MSN adalah untuk membuat keputusan dasar tentang hala tuju pembangunan sosial, mengenal pasti dan membuat keputusan bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan sosial dan menilai program atau strategi pembangunan sosial.

Justeru, MSN akan terus menjadi medium bagi memantau pelaksanaan DSN 2030 dan pencapaian pelan tindakannya. Jawatankuasa Kerja MSN digantikan dengan **Badan Penilaian MSN yang berperanan untuk mengenal pasti dan meneliti isu sosial yang berkaitan untuk dibentangkan dalam MSN, mengenal pasti dan mengadakan libat urus bersama kementerian atau agensi yang akan membentangkan isu sosial dalam MSN dan memantau pelaksanaan keputusan MSN di samping menyemak dan menimbang pelaksanaan DSN 2030 di kementerian dan agensi untuk tujuan pelaporan kepada MSN terutamanya bagi isu yang memerlukan perhatian segera.**

Di bawah Badan Penilaian MSN **dicadangkan penubuhan empat kluster berdasarkan teras.** Kluster-kluster ini **berperanan untuk melaporkan kemajuan pelaksanaan DSN 2030 dan pelan tindakan kepada Badan Penilaian MSN.**





“Menerusi gagasan Malaysia MADANI, Kerajaan berhasrat untuk menjamin kesejahteraan rakyat dalam pengertiannya yang lebih syumul. Ini bermakna, kebijakan Kerajaan tidak hanya bertumpu kepada aspek ekonomi dan pendapatan rakyat semata-mata, malah turut mencakupi sisi kesejahteraan yang lebih menyeluruh untuk mengangkat darjat hidup rakyat, dan ini termasuk aspek kerohanian, kesihatan, perumahan, perpaduan sosial dan pemerkasaan masyarakat MADANI.”

**Anwar Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia**

Ucapan semasa pembentangan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12)

11 September 2023



ANNEX 1:

DASAR SOSIAL NEGARA 1.0

Dasar Sosial Negara 1.0

a. Perbezaan

Dasar Sosial Negara 1.0 telah dilancarkan pada tahun 2003. Terdapat banyak perbezaan antara DSN yang asal dengan DSN 2030, di mana DSN 2030 memfokuskan kepada pembangunan manusia dan sistem sosial, manakala DSN 1.0 adalah lebih luas dan merupakan dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan.

DSN yang asal mempunyai strategi yang berbentuk umum dan merangkumi bidang yang menyeluruh, tetapi tidak mempunyai bidang keutamaan yang spesifik, manakala DSN 2030 mempunyai 17 bidang keutamaan yang dikenalpasti.

Peranan yang dimainkan oleh DSN asal adalah lebih sebagai panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial bagi menghasilkan suatu kemajuan masyarakat yang mantap dan seimbang, manakala DSN 2030 mempunyai peranan yang khusus untuk menjajarkan dasar-dasar sosial di Malaysia ke arah rakyat yang sejahtera dan saksama melalui pembangunan manusia dan sistem sosial.

DSN yang asal tidak mempunyai pelan tindakan dan bagi DSN 2030, satu pelan tindakan akan dibangunkan bagi memantau pelaksanaan dasar tersebut sehingga tahun 2030.

b. Pencapaian

DSN 1.0 telah mencerminkan komitmen Malaysia terhadap perjanjian-perjanjian antarabangsa seperti Matlamat Pembangunan Milenium (MDG 2015), Konvensyen Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Tentang Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCRC), Konvensyen Tentang Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) serta Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC).

Terdapat tiga (3) sifat utama bagi DSN 1.0 iaitu:

1. **Dasar unik** merangkumi pelbagai tema berkaitan promosi pembangunan negara yang progresif, tanpa perbandingan perbandingan secara langsung dengan negara-negara lain.
2. **Menyokong hala tuju dasar-dasar kementerian dan agensi yang berportfolio sosial.**
3. **Mengiktiraf keperluan Penilaian Impak Sosial (SIA)** untuk diterapkan dalam perancangan semua aktiviti pembangunan awam dan swasta.

c. Hala Tuju Agenda Pembangunan Sosial

Nasir & Ahmad (2009) mendefinisikan pembangunan sosial sebagai suatu **proses pembangunan yang memberi penekanan kepada pembangunan manusia dan sistem sosialnya**.



“Dalam konteks Malaysia, pembangunan bukan sahaja diukur berdasarkan pencapaian ekonomi dan pembangunan fizikal, tetapi ia mesti diintegrasikan dengan usaha-usaha dan program untuk mewujudkan kesepaduan sosial dan integrasi nasional.”

Perspektif sosial dalam DSN merujuk kepada kehidupan serta jalinan perhubungan yang wujud di kalangan individu serta keluarga dengan masyarakat dalam persekitaran yang baik dan memberangsangkan. Dalam mencapai kepuasan serta kecemerlangan hidup bermasyarakat, setiap individu berhak menikmati keperluan asas dan keperluan-keperluan lain melalui penyampaian perkhidmatan sosial yang merangkumi aspek kebajikan masyarakat, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, penghayatan nilai dan budaya, keselamatan dan persekitaran yang sihat.

Pembangunan sosial bertujuan untuk memenuhi beberapa fungsi seperti menyediakan perkhidmatan yang berkualiti untuk memastikan objektif yang mencapai kesejahteraan sosial, mengenalpasti beberapa kesan ke atas perubahan dalam hidup dan menyesuaikan diri dengan kondisi sosial; mengenalpasti kesan dasar dan program untuk meminimakan kesannya ke atas ahli masyarakat dan mengenalpasti faktor sosial yang memberi kesan ke atas masalah sosial dan menghapuskannya sebelum menjadi masalah besar (Institut Sosial Malaysia, 2004).

Sebuah masyarakat yang inklusif perlu dilengkapi dengan segala instrumen yang membolehkan mereka mendapat perkhidmatan dan memudahkan penyertaan secara aktif untuk mencapai potensi sebenar tanpa mengira kumpulan etnik, agama, budaya, gender dan fahaman politik serta wilayah.

Justeru, kemajuan negara perlu difokuskan kepada pembangunan manusia yang berkait rapat dengan pembangunan sosial. Maka, **DSN menjadi satu dasar yang kritikal sebagai tunjang agenda pembangunan sosial yang berhubung kait dengan pelbagai strategi, program dan aktiviti yang menekankan pengisian nilai bagi mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan.**

Malaysia telah mencapai pertumbuhan yang mengagumkan dalam menurunkan kadar kemiskinan bagi tempoh 50 tahun yang lalu. Menurut sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan tegar di Malaysia telah menurun dari 7.6% pada tahun 2016 kepada 5.6% pada tahun 2019. Dalam tahun yang sama, Malaysia telah melabur di dalam 120 program bantuan sosial merangkumi 21 kementerian dengan jumlah pengeluaran RM22.27 bilion yang diagih-agihkan di seluruh negara. (Khazi, 2019).

Walaupun kadar kemiskinan tegar telah menurun, pada masa yang sama *Gini Coefficient* negara pula mengembang, daripada 0.399 pada tahun 2016 kepada 0.407 pada tahun 2019 (Jaafar, 2020). Kadar kemiskinan relatif di Malaysia juga tinggi berbanding dengan negara-negara *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) lain pada tahap 16.6% dan kemiskinan kanak-kanak pada tahap 21.2% (OECD, 2014). Tidak mengejutkan, di dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh dan Sebelas, Kerajaan Malaysia telah memusatkan sasaran terhadap golongan B40.

Dalam tahun-tahun yang lalu, Malaysia juga telah melakukan pelaburan yang ketara di dalam pembangunan modal insan. Dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah untuk memperbaiki pasaran tenaga kerja dan merombak sistem pendidikan negara. Kadar pekerjaan berkemahiran tinggi (individu yang bekerja di sektor pengurusan, profesional dan teknikal) di Malaysia ialah pada tahap 27%. Tahap ini masih terlalu rendah berbanding dengan negara-negara OECD lain yang masing-masing lebih daripada 35% (OECD, *Policy Brief*, 2019).

Kadar tenaga kerja Malaysia secara keseluruhan masih lagi separa mahir pada kadar 60.1% . Dengan itu, pembangunan modal insan perlu diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh.



Untuk memperkuatkan Dasar Sosial Negara, terutamanya tentang perlindungan sosial, Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) telah ditubuhkan pada 28 Oktober 2016 yang mana Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertindak sebagai sekretariat.

Namun begitu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mei 2019 memutuskan keurussetiaan MySPC dipindahkan kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), JPM. MySPC adalah badan induk penyelaras dasar dan program bagi memperkasa sistem perlindungan sosial negara yang merangkumi aspek pencegahan, perlindungan, promosi dan transformasi.

Objektif dan fungsi MySPC adalah seperti yang berikut:

1 Menyelaras dasar dan hala tuju perlindungan sosial negara termasuk agenda menangani kemiskinan nasional

2 Menimbang dan memperakurkan perkara-perkara berkaitan perlindungan sosial dan menangani kemiskinan seperti:
(a) Cadangan dan pendekatan baharu; dan
(b) Keberkesanan dan kelangsungan program sedia ada.

3 Mempertingkat kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam usaha pemantapan perlindungan sosial termasuk menangani kemiskinan

4 Memastikan pangkalan data berkaitan perlindungan sosial diselaraskan secara bersepada dan komprehensif merentasi agensi

Kini, Malaysia sedang diuji dengan landskap yang berbeza, di mana jumlah penduduk di kawasan bandar telah meningkat dengan ketara daripada 66% pada tahun 2004 kepada 73% pada tahun 2015 (Ismail, 2015). Menurut sumber *United Nations Department of Economic and Social Affairs* (UNDESA), jumlah penduduk bandar di Malaysia dijangka akan meningkat secara ketara dalam beberapa tahun, trend yang juga berlaku di seluruh benua Asia Pasifik. Ini bermakna, keperluan sosial negara turut berubah.

Di samping itu, Malaysia juga sedang menghadapi penurunan kadar kesuburan, seiring dengan situasi yang berlaku di negara-negara OECD lain. Malaysia perlu bersedia menghadapi situasi ini dengan memastikan pelaburan sosial negara disasarkan dengan betul.







ANNEX 2:

LANDSKAP SOSIAL DI MALAYSIA

Landskap Sosial di Malaysia

a. Kedudukan Malaysia dalam Indeks berkaitan Sosial

i. Indeks Kemajuan Sosial (*Social Progress Index*)

Indeks Kemajuan Sosial merupakan indeks yang mengukur prestasi sosial negara termasuk hubungan antara kemampunan dan kemajuan sosial. Indeks ini dikelolakan oleh *Social Progress Imperative* yang mengukur prestasi sosial 170 buah negara berdasarkan 12 komponen dan 57 indikator sosial dan alam sekitar. Ia menjelaskan cara hidup sesebuah masyarakat, golongan yang dipinggirkan dan perkara yang perlu dilaksanakan kemajuan.

Pada tahun 2022, Malaysia berada dalam kedudukan 54 dengan skor keseluruhan 74.08. Dalam kalangan negara Asia Tenggara, Malaysia menduduki tempat kedua selepas Singapura (28) dan mendahului Thailand (71), Viet Nam (77), Filipina (81), Indonesia (87), Kemboja (121), Myanmar (137) dan Laos (140).

Secara keseluruhan, skor bagi 11 komponen iaitu Nutrisi dan Penjagaan Kesihatan (87.53), Tempat Tinggal (91.98), Keselamatan (67.78), Akses kepada Pengetahuan Asas (89.85), Akses kepada Maklumat dan Komunikasi (86.61), Kesihatan (70.14), Kualiti Alam Sekitar (63.15), Hak Peribadi (64.47), Kebebasan dan Pilihan Peribadi (70.79), Keterangkuman (44.98) dan Akses kepada Pendidikan Tinggi (58.11) menunjukkan **peningkatan** berbanding tahun 2021. Namun begitu, skor bagi komponen Air dan Sanitasi mengalami penurunan sebanyak 0.81 mata berbanding tahun 2021.

Component	2022		2021		2020		2019	
	Score/ Value	Rank	Score/ Value	Rank	Score/ Value	Rank	Score/ Value	Rank
BASIC HUMAN NEEDS	85.20	51	84.85	53	84.07	55	83.73	56
Nutrition and Basic Medical Care	87.53	83	87.43	83	87.25	83	87.12	83
Water and Sanitation	93.53	34	92.72	37	91.53	43	90.94	44
Shelter	91.98	18	91.65	19	90.93	30	90.74	29
Personal Safety	67.78	58	67.59	58	66.59	63	66.11	65
FOUNDATION OF WELLBEING								
Access to Basic Knowledge	89.85	51	89.78	50	90.52	49	88.05	56
Access to Information and Communications	86.61	39	85.09	41	86.06	37	85.76	37
Health and Wellness	70.14	42	70.12	42	70.75	40	70.31	40
Environmental Quality	63.15	64	63.19	62	63.01	63	62.53	64
OPPORTUNITY								
Personal Rights	64.47	106	64.31	107	67.36	105	67.36	105
Personal Freedom and Choice	70.79	48	71.55	48	71.69	47	70.47	51
Inclusiveness	44.98	91	42.53	97	40.1	105	39.2	110
Access to Advanced Education	58.11	63	58.45	62	58.7	55	57.7	55

Sumber: Social Progress Index 2022

ii. Indeks Pembangunan Manusia Malaysia [Malaysian Human Development Index (MHDI)]

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Indeks Pembangunan Manusia Malaysia bagi tahun 2022 pada tahun 2023. Ia dibangunkan sebagai satu instrumen untuk menilai tahap pembangunan manusia dalam mengukur kemajuan sesebuah negara selain daripada aspek ekonomi.

MHDI meliputi tiga (3) dimensi iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat, akses kepada pengetahuan dan taraf hidup yang baik. Indeks ini dibangunkan berdasarkan Laporan Indeks Pembangunan Manusia (HDI) daripada United Nations Development Programme (UNDP). MHDI merupakan salah satu indikator yang boleh digunakan untuk menganalisis status pembangunan sosioekonomi negara dan menggambarkan pembangunan manusia dalam sesebuah negara. Penunjuk MHDI juga merupakan salah satu daripada tujuh (7) penanda aras dalam ekonomi MADANI dan sebagai sasaran jangka sederhana yang perlu dicapai dalam tempoh 10 tahun. Statistik utama yang dibentangkan dalam laporan ini meliputi warganegara Malaysia. Prestasi MHDI pada tahun 2022 menunjukkan skor indeks meningkat 1.2% kepada 0.816 berbanding 0.806 pada tahun 2021.

Pada tahun 2021/2022, HDI Malaysia berada di kedudukan ke-62 daripada 191 buah negara dan dikategorikan sebagai negara yang mempunyai pembangunan manusia yang sangat tinggi dengan skor 0.803. HDI bagi tahun 2021 menunjukkan peningkatan jangka hayat ketika lahir dan hidup sihat kepada 74.9 tahun berbanding 75.9 bagi tahun 2020. Manakala jangkaan tahun persekolahan dan purata tahun persekolahan masing-masing adalah 13.3 dan 10.6 tahun.

Years	HDI	Life Expectancy at Birth	Expected Years of Schooling	Mean Years of Schooling
2015	0.797	75.1	13.7	10.3
2016	0.803	75.3	13.9	10.4
2017	0.805	75.5	13.7	10.5
2018	0.807	75.6	13.5	10.6
2019	0.81	75.8	13.5	10.6
2020	0.806	75.9	13.3	10.6
2021	0.803	74.9	13.3	10.6

Sumber : United Nations Development Programme (UNDP)

iii. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

Bagi konteks Malaysia, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) dibangunkan oleh DOSM di bawah Kementerian Ekonomi memberi gambaran mengenai tahap kesejahteraan rakyat Malaysia menggunakan 14 komponen yang merangkumi aspek ekonomi dan sosial. IKRM ini merupakan penambahbaikan kepada Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) yang telah diterbitkan pada tahun 1999. Terdapat lima (5) komponen bagi subkomposit ekonomi iaitu Pengangkutan, Komunikasi, Pendidikan, Pendapatan dan Pengagihan serta Persekutaran Kerja. Subkomposit sosial pula merangkumi sembilan (9) komponen seperti Perumahan, Hiburan dan Rekreasi, Keselamatan Awam, Penyertaan Sosial, Tadbir Urus, Kebudayaan, Kesihatan, Alam Sekitar dan Keluarga.

Pada tahun 2022, IKRM adalah pada 121.2 mata, peningkatan 2.5% dari tahun 2021. Indeks subkomposit ekonomi adalah 130.0, manakala indeks subkomposit sosial adalah 116.4. Peningkatan dalam subkomposit sosial dilihat bagi komponen Perumahan (120.8), Hiburan dan Rekreasi (124.3), Kesihatan (113.0), Kebudayaan (97.0), Alam Sekitar (115.1) dan Keluarga (100.1). Tiga (3) komponen di bawah subkomposit sosial mengalami penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu Tadbir Urus (120.8), Penyertaan Sosial (130.2) dan Keselamatan Awam (126.1).

b. Dasar Sosial / Pelan Tindakan Berkaitan Sosial di Bawah Kementerian dan Agensi

Di Malaysia, dasar sosial dan pelaksanaannya adalah merupakan tanggungjawab beberapa kementerian dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri yang meliputi aspek-aspek pembangunan sosial yang berbeza seperti jaringan keselamatan sosial, insurans sosial, dasar pasaran buruh dan sebagainya.

Penggubalan DSN 2030 adalah penting untuk membolehkan penajaran dasar-dasar berkaitan sosial di Malaysia dapat dilaksanakan mengikut tanggungjawab pelbagai kementerian dan agensi berportfolio sosial di peringkat persekutuan supaya bergerak ke arah hala tuju yang sama bagi memastikan pelaksanaan dasar dan koordinasi yang berkesan. Perkara ini dapat mengelakkan pertindihan fungsi dan sumber dapat digunakan secara berkesan.



Terkini, sebanyak 44 dasar dan pelan tindakan utama berkaitan sosial sedang dilaksanakan di 19 kementerian dan agensi yang berportfolio sosial.

Jadual 1: Dasar dan Pelan Tindakan berkaitan Sosial di bawah kementerian dan agensi

Dasar/Kementerian	PR	MB	AB	KA	KK	K	PD	TK	SP	PW	KP	PS	KAS	KS	SS	TU	
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat																	
Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2022 – 2025						X	X					X					
Dasar Keluarga Negara												X					
Dasar Kanak-Kanak Negara		X				X	X		X					X			
Dasar Warga Emas Negara				X		X	X		X					X			
Dasar Wanita Negara						X		X	X	X	X			X			
Dasar Orang Kurang Upaya (OKU)						X	X		X	X				X			
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah																	
Dasar Pembangunan Luar Bandar	X					X	X	X	X	X			X	X	X		
Kementerian Ekonomi																	
Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara									X								
Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia									X								
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan																	
Dasar Perumahan Negara 2018–2025	X																
Dasar Perumahan Mampu Milik Negara	X																
Dasar Perbandaran Negara Kedua 2016–2025	X												X				

Dasar/Kementerian	PR	MB	AB	KA	KK	K	PD	TK	SP	PW	KP	PS	KAS	KS	SS	TU
Rancangan Fizikal Negara Keempat	X							X					X			
Dasar Komuniti Negara	X			X			X						X			
Dasar Kebun Komuniti Bandar	X	X											X	X		X
Dasar Kebersihan Negara						X							X	X		X
Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016														X		
Kementerian Dalam Negeri																
Dasar Dadah Negara 2017					X											
Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam					X								X	X	X	
Kementerian Pendidikan Tinggi																
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)							X									
Kementerian Komunikasi																
Pelan Tindakan Digital Negara (JENDELA)								X								
Kementerian Pendidikan Malaysia																
Dasar Pendidikan Kebangsaan								X								
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Pra Sekolah hingga Lepas Menengah) 2013–2025								X								

Dasar/Kementerian	PR	MB	AB	KA	KK	K	PD	TK	SP	PW	KP	PS	KAS	KS	SS	TU
Kementerian Perpaduan Negara																
Dasar Perpaduan Negara															X	
Kementerian Belia dan Sukan																
Dasar Belia Malaysia						X	X			X	X	X			X	
Model Pembangunan Belia MADANI						X	X	X		X	X	X			X	
Visi Sukan Negara 2030						X		X				X				X
Kementerian Kesihatan Malaysia																
Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0		X				X										
National Strategic Plan for Active Living (NASPAL) 2017-2025						X										
Pelan Strategik Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) 2021- 2025						X						X	X			
National Strategic Plan for Mental Health 2020-2025						X										
Dasar Kesihatan Warga Emas Negara						X										
Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III (2016-2025)		X				X										

Dasar/Kementerian	PR	MB	AB	KA	KK	K	PD	TK	SP	PW	KP	PS	KAS	KS	SS	TU	
Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan (BBM) dalam kalangan Kanak-kanak Malaysia (2023-2030)		X				X											
Pelan Strategik Mengurangkan Gula dalam Kalangan Rakyat Malaysia (2024-2030)		X				X											
Nutrition Policy Options to Combat Obesity in Malaysia		X				X											
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air																	
Dasar Sumber Air Negara 2012			X														
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam																	
Dasar Perubahan Iklim Negara 2009																X	
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan																	
Dasar Agromakanan Negara 2.0		X															
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya																	
Dasar Kebudayaan Negara 2021						X											
Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri																	
Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP)					X	X	X	X	X	X	X				X	X	X
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri																	
Pelan Tindakan Sosial Islam						X						X					

Dasar/Kementerian	PR	MB	AB	KA	KK	K	PD	TK	SP	PW	KP	PS	KAS	KS	SS	TU
Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri																
Dasar 1 Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya										X				X		
Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri																
Dasar Keselamatan Negara 2021 – 2025		X		X				X							X	X
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri																
Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP)																X

Petunjuk

PR	Perumahan	K	Kesihatan	KP	Keluarga dan Kependudukan	SS	Kesepaduan Sosial
MB	Makanan Berkhasiat	PD	Pendidikan	PS	Penyertaan Sosial	TU	Tadbir Urus
AB	Air Bersih	TK	Teknologi	KAS	Kelestarian Alam Sekitar		
KA	Keselamatan Awam	SP	Perlindungan Sosial	KS	Kesaksamaan Sosial		
KK	Kerohanian dan kebudayaan	PW	Pekerjaan Wajar				

Glosari

4AIR	Revolusi Perindustrian Keempat
ANMS	Pelan Strategik Agenda Nasional Malaysia Sihat
BBM	Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan
CBO	Pertubuhan Berasaskan Komuniti
CEDAW	Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak
CRPD	Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya
CSO	Pertubuhan Masyarakat Sivil
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DSN	Dasar Sosial Negara
DSN 1.0	Dasar Sosial Negara yang telah dilancarkan pada tahun 2003
DSN 2030	Dasar Sosial Negara 2030 adalah merupakan kesinambungan DSN 1.0
ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
HDI	Indeks Pembangunan Manusia
ICU	Unit Penyelarasaran Pelaksanaan
IKHM	Indeks Kualiti Hidup Malaysia
IKRM	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia
JENDELA	Pelan Tindakan Digital Negara
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
MDG 2015	Matlamat Pembangunan Milenium
MHDI	Indeks Pembangunan Manusia Malaysia
MySPC	Majlis Perlindungan Sosial Malaysia
MyWI	Indeks Kesejahteraan Rakyat
NACP	Pelan Anti Rasuah Nasional

NASPAL	National Strategic Plan For Active Living
NCD	Penyakit Tidak Berjangkit
NHRAP	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan
NPANM	Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia
OECĐ	Pertubuhan Untuk Kerjasama Dan Pembangunan Ekonomi
OKU	Orang Kurang Upaya
PEKERTI	Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif Dan Sosial Kebangsaan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RMKe-10	Rancangan Malaysia Ke-10
RMKe-11	Rancangan Malaysia Ke-11
RMKe-12	Rancangan Malaysia Ke-12
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
SDG 2030	Matlamat Pembangunan Mampan 2030
SIA	Proses Pelaksanaan Impak Sosial
SIA	Penilaian Impak Sosial
SPI	Indeks Kemajuan Sosial
TFR	Jumlah Kadar Kesuburan
UN	United Nations
UNCRC	Konvensyen Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UN DESA	Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNFCCC	Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim
UPE	Unit Perancang Ekonomi
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat

Sekalung Perhargaan

Dasar Sosial Negara 2030 (DSN 2030) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merupakan panduan kepada hala tuju pembangunan sosial yang memerlukan kerjasama daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan melalui pendekatan '*the whole of government and whole of nation approach*'.

Justeru itu, KPWKM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada kementerian dan agensi berikut yang terlibat dalam menjayakan penggubalan DSN 2030 ini:

Kementerian Kewangan

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Kementerian Ekonomi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kementerian Dalam Negeri

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Kementerian Pendidikan Tinggi

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Kementerian Komunikasi

Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Perpaduan Negara

Kementerian Belia dan Sukan

Kementerian Perladangan dan Komoditi

Kementerian Digital

Kementerian Kesihatan Malaysia

Kementerian Sumber Manusia

Jabatan Perkhidmatan Awam

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang

Majlis Keselamatan Negara

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Unit Penyelarasaran Pelaksanaan

